

Hubungan erat Agong, Sheikh Mohamed raih manfaat besar

Abu Dhabi: Lawatan kerja Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada Khamis dan Jumaat lalu hanya berlangsung dalam tempoh kira-kira 36 jam, namun tempoh singkat itu tidak menjadi halangan buat Malaysia meraih manfaat besar, terutama dalam aspek pelaburan dari negara ini.

Sejak tiba pada jam 5 pagi Khamis, Perdana Menteri berhadapan dengan program yang padat, bermula dengan menghadap Presiden UAE, Sheikh Mohamed bin Zayed Al Nahyan yang juga Pemerintah Abu Dhabi.

Anwar juga bertemu beberapa menteri kanan yang terbabit dalam hal ehwal ekonomi, perdagangan dan pelaburan serta pemegang taruh dana kekayaan berdaulat UAE, Pihak Berkuasa Pelaburan Abu Dhabi (ADIA) dan syarikat perniagaan terbesar di negara teluk ini.

Bagi Perdana Menteri, beliau melihat pertemuan dengan Sheikh Mohamed membuka ruang dan kejayaan dalam pertemuan lain, yang meyakinkannya akan hubungan rapat dan bersahabat kedua-dua negara.

Lawatan 36 jam itu menjana pelaburan komited berjumlah RM40.6 bilion (AS\$8.6 bilion) untuk Malaysia dalam sektor seperti tenaga boleh diperbaharui (RE), aeroangkasa dan logistik.

Anwar sewaktu pertemuan itu sentiasa konsisten memberikan jaminan bahawa Malaysia komited memajukan tenaga boleh diperbaharui, selain mahu memudahkan urusan menjalankan perniagaan di Malaysia.

"Apabila ke Malaysia, anda boleh saksikan sendiri perubahan berbanding pada lima, tiga

atau dua tahun lalu. Saya juga ingin tegaskan satu perkara, keadaan sekarang jauh lebih baik serta mudah untuk menjalankan perniagaan.

"Ini kerana wujudnya keazaman lebih jelas dan kepimpinan yang efektif bagi memastikan kita dapat berfungsi dengan berkesan," kata Perdana Menteri sewaktu perbincangan meja bulat bersama barisan pemimpin industri di UAE.

Dengan Malaysia menjadi tarikan kepada pelabur luar yang mahu datang untuk melabur dalam sektor RE, Anwar juga mahu lokasi yang sesuai untuk pembangunan sektor itu dikenal pasti, sesuatu yang boleh membantu Malaysia menjadi hab bagi sektor RE.

Ada media di UAE memberikan gambaran hubungan baik Malaysia dan UAE adalah kerana hubungan peribadi erat di antara Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Sheikh Mohamed.

Hubungan baik di antara baginda berdua terjalin sejak menyertai latihan ketenteraan di Royal Military Academy Sandhurst (RMAS) di United Kingdom (UK) pada akhir 1970-an dan persahabatan itu kekal sehingga kini.

"Menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Tuanku, baginda turut memainkan peranan utama dalam mempereratkan hubungan dengan UAE, atas hubungan baik dan akrab dengan Yang Mulia Sheikh Mohamed," kata Perdana Menteri mengakui peranan Yang di-Pertuan Agong dalam hubungan baik kedua-dua negara.

BERNAMA